



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# MALAYSIA PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MEI 2025

Tarikh Sebaran: 20 Jun 2025  
Masa Sebaran: Jam 1200

BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



## PRESTASI PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, MEI 2025


Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan trend positif pada Mei 2025 sejajar dengan peningkatan import (+6.6%), tahun ke tahun. Jumlah perdagangan meningkat RM6.4 bilion atau 2.6 peratus tahun ke tahun mencecah nilai RM252.5 bilion.

Walau bagaimanapun, eksport dan imbalan dagangan mencatatkan pengurangan masing-masing RM1.4 bilion (-1.1%) dan RM9.2 bilion (-92.3%), berbanding pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Perbandingan secara bulanan menunjukkan eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan merosot masing-masing 5.2 peratus, 2.0 peratus, 3.6 peratus dan 85.1 peratus.

Kesemua jumlah dagangan, eksport dan import menunjukkan pertumbuhan positif bagi tempoh Januari hingga Mei 2025, jika dibandingkan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Prestasi jumlah dagangan turut meningkat 6.2 peratus, disokong oleh peningkatan eksport (+5.5%) dan import (+6.9%). Manakala, pertumbuhan lebihan dagangan menyusut 9.4 peratus kepada RM46.9 bilion.

Carta 1: Prestasi Perdagangan: Bulanan, Suku Tahunan &amp; Tahunan



## EKSPORT

Prestasi eksport Malaysia susut 1.1 peratus kepada RM126.6 bilion pada Mei 2025

## Prestasi Eksport


Eksport Malaysia menurun 1.1 peratus pada Mei 2025, susut daripada RM128.0 bilion pada April 2024 kepada RM126.6 bilion.

Penurunan ini sejajar dengan penguncupan 4.7 peratus dalam eksport domestik kepada RM100.8 bilion daripada RM105.8 bilion merangkumi 79.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Namun begitu, eksport


semula menyumbang 20.4 peratus daripada jumlah eksport meningkat 16.1 peratus kepada RM25.8 bilion.

Selain itu, perbandingan bulanan menunjukkan eksport menyusut 5.2 peratus atau RM6.9 bilion. Analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport menurun 4.8 peratus kepada RM130.4 bilion.

Carta 2: Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 3: Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion



### Prestasi Eksport mengikut Negara Destinasi Utama


Amerika Syarikat dan Singapura merupakan negara destinasi utama dengan sumbangan 29.2 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada Mei 2025.

Amerika Syarikat mendahului sebagai negara destinasi utama dengan sumbangan 14.8 peratus kepada jumlah eksport. Eksport ke Amerika Syarikat bernilai RM18.7 bilion, meningkat 16.1 peratus atau RM2.6 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM1.8 bilion, +19.2%) dan makanan diproses (+RM262.9 juta, +153.1%).

Sementara itu, nilai eksport ke Singapura yang merangkumi 14.4 peratus daripada jumlah eksport dan bernilai RM18.3 bilion, mencatatkan penurunan RM4.0 bilion atau 18.0 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh eksport yang lebih perlahan bagi barangan elektrik & elektronik (-RM2.8 bilion, -23.5%) dan keluaran petroleum (-RM939.4 juta, -34.3%).

Daripada sepuluh negara destinasi utama, eksport mencatatkan pertumbuhan negatif ke Singapura, China, Jepun dan India. Manakala, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Taiwan, Hong Kong, Thailand dan Viet Nam mencatatkan pertumbuhan positif pada Mei 2025.

**Carta 4: Perubahan Tahunan Eksport bagi Negara Destinasi Utama, Mei 2024 dan Mei 2025**



### Eksport ke Negara ASEAN


Eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN merangkumi 28.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport, bernilai RM35.7 bilion dengan menurun 10.9 peratus.

Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh kelembapan eksport keluaran petroleum (-RM2.6 bilion, -37.0%), diikuti oleh barangan

elektrik & elektronik (-RM1.5 bilion, -9.4%) dan petroleum mentah (-RM581.6 juta, -58.9%).

Singapura mendahului kalangan negara anggota ASEAN dalam eksport keseluruhan, menyumbang 51.1% peratus dengan nilai RM18.3 bilion, iaitu penurunan 18.0 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Carta 5: Peratusan Sumbangan Eksport ke Negara ASEAN, Mei 2025



### Prestasi Eksport mengikut Sektor Ekonomi


Eksport barangan perkilangan mencatatkan penurunan kecil 0.3 peratus (-RM371.5 juta), merangkumi 86.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Penyebab utama kepada pertumbuhan negatif ini adalah keluaran petroleum (-RM3.3 bilion, -28.9%), bahan kimia & keluaran kimia (-RM952.5 juta, -15.1%), dan produk besi dan keluli (-RM377.3 juta, -13.2%).

Eksport produk perlombongan, yang menyumbang 4.6 peratus daripada jumlah eksport merosot 23.6 peratus kepada RM5.9 bilion disebabkan oleh penurunan eksport gas asli cecair (-RM1.7 bilion, -42.2%),

petroleum mentah (-RM730.5 juta, -28.9%), dan timah (-RM41.7 juta, -22.1%).

Eksport produk pertanian meningkat 8.3 peratus kepada RM9.8 bilion merangkumi 7.7 peratus daripada keseluruhan eksport. Peningkatan ini sejajar dengan pertumbuhan eksport minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan kelapa sawit (+RM565.1 juta, +8.3%), minyak sayuran lain (+RM107.8 juta, +36.9%), dan keluaran pertanian yang lain (+RM98.5 juta, +9.7%).

### Paparan 1: Eksport mengikut Sektor, Mei 2024 dan Mei 2025



## Eksport mengikut Produk Utama Terpilih


Prestasi eksport menurun pada Mei 2025 disebabkan oleh pengurangan dalam produk-produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis merangkumi 5.6 peratus daripada jumlah eksport menurun 30.7 peratus atau RM3.2 bilion kepada RM7.2 bilion;
- Gas asli cecair menyumbang 1.9 peratus daripada jumlah eksport dan menurun RM1.7 bilion atau 42.2 peratus kepada RM2.4 bilion. Volum eksport menurun 36.5 peratus, manakala nilai purata seunit menurun 8.9 peratus;
- Petroleum mentah merangkumi 1.4 peratus daripada jumlah eksport merosot RM730.5 juta atau 28.9 peratus kepada RM1.8 bilion. Ia selaras dengan pengurangan volum eksport (-1.3%), walaupun penurunan harga minyak mentah Brent kepada RM273.7 setong yang menyebabkan penurunan 28.0 peratus dalam nilai purata seunit;
- Kayu & hasil keluaran kayu menurun 10.3 peratus (-RM212.5 juta) kepada RM1.8 bilion, seterusnya menyumbang 1.5 peratus daripada jumlah eksport; dan
- Getah asli menyumbang 0.2 peratus daripada jumlah eksport, menurun 20.3 peratus (-RM79.6 juta) kepada RM312.6 juta. Penurunan ini sejajar dengan pengurangan volum eksport (-29.3%), walaupun penurunan harga getah SMR20 (-5.7%).

Namun begitu, peningkatan dicatatkan dalam produk-produk berikut:

- Produk minyak sawit dan berasaskan minyak sawit, yang merangkumi 8.5 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 8.9 peratus atau RM877.3 juta. Walau bagaimanapun, eksport minyak sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini menaik RM299.1 juta atau 5.4 peratus, sejajar dengan peningkatan dalam volum eksport (+2.5%). Seterusnya, harga minyak sawit tempatan menurun 0.6 peratus kepada RM3,880.5 setiap tan metrik; dan
- Produk elektrik dan elektronik, yang merangkumi 42.4 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 7.0 peratus, daripada RM50.2 bilion kepada RM53.7 bilion.

## Paparan 2: Eksport Produk Utama Terpilih, Mei 2024 dan Mei 2025



## IMPORT


**Import meningkat 6.6 peratus kepada RM125.9 bilion, mengatasi pertumbuhan eksport**

### Prestasi Import


Nilai import Malaysia meningkat 6.6 peratus atau RM7.8 bilion kepada RM125.9 bilion pada Mei 2025. Secara bulanan, import menurun 2.0 peratus atau RM2.5 bilion. Berdasarkan analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import mencatatkan penurunan 3.6 peratus kepada RM126.8 bilion.

Import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan peningkatan tahun ke tahun, dengan lonjakan ketara dalam barangan modal (+63.7%), manakala barangan perantaraan dan barangan penggunaan menurun masing-masing 4.4 peratus dan 1.1 peratus.

**Carta 6: Import Nilai (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)**



**Carta 7: Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion**



## Prestasi Import mengikut Negara Asal Utama

China dan Amerika Syarikat merupakan dua negara utama asal import Malaysia pada Mei 2025 menyumbang 35.9 peratus daripada jumlah import.


Import Malaysia dari China meningkat 11.3 peratus kepada RM29.2 bilion, menyumbang 23.2 peratus daripada jumlah import. Peningkatan ini dipacu oleh barangan elektrik & elektronik yang melonjak 24.1 peratus (+RM2.4 bilion), diikuti oleh kelengkapan pengangkutan (+RM651.4 juta, +61.2%) dan produk besi & keluli (+RM363.6 juta, +47.2%).

Import dari Amerika Syarikat bernilai RM16.0 bilion dan menyumbang 12.7 peratus

daripada import Malaysia, meningkat 46.7 peratus atau RM5.1 bilion secara tahunan. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan import barangan elektrik & elektronik (+RM7.0 bilion, +216.9%), jentera, kelengkapan & peralatan (+RM517.2 juta, +34.8%) dan barangan keluaran lain (+RM129.7 juta, +107.2%).

Perubahan tahunan import dari sepuluh negara asal utama mencatatkan penurunan kecuali China, Amerika Syarikat, Taiwan dan Indonesia berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

**Carta 8: Perubahan Tahunan Import bagi Negara Asal Utama, Mei 2024 dan Mei 2025**




## Import dari Negara ASEAN

Import dari negara-negara ASEAN menurun 7.7 peratus pada Mei 2025, mencecah RM26.1 bilion. Ia merangkumi 20.8 peratus daripada keseluruhan import Malaysia. Penurunan ini didorong oleh pengurangan import produk petroleum (-RM991.5 juta, -22.4%), bahan kimia & keluaran kimia

(-RM505.8 juta, -23.8%) dan kelengkapan pengangkutan (-RM300.8 juta, -28.0%).

Import Malaysia dari Singapura menurun 11.5 peratus (-RM1.7 bilion) berbanding tahun sebelumnya, dan menyumbang 49.1 peratus daripada jumlah import ASEAN.

Carta 9: Peratusan Sumbangan Import dari Negara ASEAN, Mei 2025



### Prestasi Import mengikut Sektor Ekonomi


Barangan pembuatan, yang merangkumi 84.4 peratus daripada keseluruhan import, meningkat 8.5 peratus daripada RM97.9 bilion kepada RM106.2 bilion secara tahunan. Prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan import barangan elektrik & elektronik (+RM14.3 bilion, +39.4%); barangan keluaran lain (+RM321.7 juta, +14.2%); dan barang kemas (+RM228.6 juta, +28.2%).

Import perlombongan berjumlah RM9.5 bilion, menurun 16.1 peratus berbanding tahun sebelumnya dan merangkumi 7.6 peratus daripada keseluruhan import Malaysia.

Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan import petroleum mentah (-RM2.8 bilion, -37.4%) dan hasil perlombongan lain (-RM305.7 juta, -15.6%).

Import produk pertanian (5.4% daripada jumlah import) meningkat 7.2 peratus (+RM454.3 juta) secara tahunan kepada RM6.8 bilion. Kenaikan ini dipacu oleh peningkatan import produk pertanian lain (+RM366.4 juta, +8.4%), produk minyak sawit & berasaskan pertanian sawit (+RM129.2 juta, +26.9%), serta makanan laut segar, sejuk atau beku (+RM69.1 juta, +18.8%).

Paparan 3: Import mengikut Sektor, Mei 2024 dan Mei 2025



## Import mengikut Produk Utama Terpilih

Import menunjukkan prestasi baik pada Mei 2025, dengan pertumbuhan positif dilihat dalam produk berikut:

- Barangan elektrik dan elektronik merangkumi 40.0 peratus daripada jumlah import dan meningkat RM14.3 bilion atau 39.4 peratus kepada RM50.4 bilion; dan


- Jentera & kelengkapan khas untuk industri tertentu serta alat ganti meningkat 1.4 peratus (+RM37.2 juta) kepada RM2.7 bilion, merangkumi 2.2 peratus daripada jumlah import.

Walaupun bagaimanapun, pertumbuhan negatif direkodkan bagi produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis menyebabkan 5.3 peratus daripada jumlah import, menurun RM4.2 bilion atau 38.3 peratus kepada RM6.7 bilion. Volum import dan nilai purata seunit masing-masing mencatatkan penurunan 18.8 peratus dan 24.0 peratus; dan

- Import petroleum mentah, yang merangkumi 3.8 peratus daripada jumlah import dan menurun RM2.8 bilion atau 37.4 peratus kepada RM4.7 bilion. Penurunan ini sejajar dengan kejatuhan dalam nilai purata seunit (-27.6%), volum import (-13.6%) dan harga minyak Brent yang merosot 29.2 peratus kepada RM273.7 setong.

Paparan 4: Import Produk Utama Terpilih, Mei 2024 dan Mei 2025



## Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum

Jumlah import pada Mei 2025 bernilai RM125.9 bilion, meningkat 6.6 peratus, tahun ke tahun. Tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir yang merangkumi 77.8 peratus daripada jumlah import ialah:


**Barangan perantaraan**, bernilai RM65.1 bilion atau 51.8 peratus daripada jumlah import menyusut 4.4 peratus disebabkan import yang lebih rendah bagi bahan api & pelincir, utama (-RM2.9 bilion, -32.3%), bekalan perindustrian, t.s.t.l, diproses (-RM1.9 bilion, -7.9%) dan bahan api & pelincir, diproses, lain-lain (-RM1.6 bilion, -46.8%).

**Barangan modal**, berjumlah RM22.7 bilion (18.0% daripada jumlah import) meningkat

63.7 peratus disebabkan oleh import yang lebih tinggi bagi barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) dengan kenaikan 70.5 peratus kepada RM22.3 bilion.

**Barangan penggunaan**, berjumlah RM10.1 bilion (8.0% daripada jumlah import) mencatatkan penurunan 1.1 peratus disumbang oleh import makanan dan minuman, utama, khusus untuk penggunaan isirumah (-RM96.3 juta, -7.4 %).

Paparan 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum,  
Mei 2025



# JADUAL STATISTIK

Jadual I : Eksport, Eksport Domestik, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan

| Tempoh         | Nilai RM Juta |                  |           |                 |                   | Perubahan Tahunan (%) |                  |        |                 |                   |
|----------------|---------------|------------------|-----------|-----------------|-------------------|-----------------------|------------------|--------|-----------------|-------------------|
|                | Eksport       | Eksport Domestik | Import    | Jumlah Dagangan | Imbangan Dagangan | Eksport               | Eksport Domestik | Import | Jumlah Dagangan | Imbangan Dagangan |
| 2020           | 983,827       | 799,197          | 800,481   | 1,784,308       | 183,345           | (1.1)                 | (2.9)            | (5.8)  | (3.3)           | 25.9              |
| 2021           | 1,241,022     | 1,012,001        | 987,344   | 2,228,366       | 253,678           | 26.1                  | 26.6             | 23.3   | 24.9            | 38.4              |
| 2022           | 1,550,009     | 1,222,034        | 1,293,811 | 2,843,821       | 256,198           | 24.9                  | 20.8             | 31.0   | 27.6            | 1.0               |
| 2023           | 1,426,199     | 1,111,065        | 1,211,044 | 2,637,243       | 215,155           | (8.0)                 | (9.1)            | (6.4)  | (7.3)           | (16.0)            |
| 2024           | 1,507,683     | 1,214,227        | 1,370,842 | 2,878,526       | 136,841           | 5.7                   | 9.3              | 13.2   | 9.1             | (36.4)            |
| 2024 (JAN-MEI) | 605,065       | 487,888          | 553,236   | 1,158,300       | 51,829            | 4.4                   | 8.4              | 13.0   | 8.3             | (42.5)            |
| 2025 (JAN-MEI) | 638,482       | 505,121          | 591,541   | 1,230,023       | 46,941            | 5.5                   | 3.5              | 6.9    | 6.2             | (9.4)             |
| 2022           |               |                  |           |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| ST1            | 344,290       | 282,220          | 280,656   | 624,946         | 63,634            | 21.8                  | 22.0             | 25.5   | 23.4            | 7.7               |
| ST2            | 392,348       | 310,278          | 332,992   | 725,340         | 59,356            | 29.3                  | 24.8             | 34.8   | 31.8            | 5.4               |
| ST3            | 420,094       | 319,467          | 355,128   | 775,222         | 64,966            | 38.5                  | 31.3             | 46.5   | 42.0            | 6.6               |
| ST4            | 393,277       | 310,069          | 325,035   | 718,312         | 68,243            | 11.9                  | 7.3              | 18.5   | 14.8            | (11.8)            |
| 2023           |               |                  |           |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| ST1            | 355,092       | 276,446          | 291,680   | 646,772         | 63,413            | 3.1                   | (2.0)            | 3.9    | 3.5             | (0.3)             |
| ST2            | 348,623       | 267,560          | 292,800   | 641,423         | 55,823            | (11.1)                | (13.8)           | (12.1) | (11.6)          | (6.0)             |
| ST3            | 356,280       | 277,863          | 297,245   | 653,525         | 59,035            | (15.2)                | (13.0)           | (16.3) | (15.7)          | (9.1)             |
| ST4            | 366,203       | 289,195          | 329,319   | 695,521         | 36,884            | (6.9)                 | (6.7)            | 1.3    | (3.2)           | (46.0)            |
| 2024           |               |                  |           |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| ST1            | 362,332       | 290,366          | 328,200   | 690,532         | 34,132            | 2.0                   | 5.0              | 12.5   | 6.8             | (46.2)            |
| ST2            | 368,749       | 297,935          | 336,776   | 705,525         | 31,973            | 5.8                   | 11.4             | 15.0   | 10.0            | (42.7)            |
| ST3            | 383,678       | 311,175          | 358,995   | 742,673         | 24,682            | 7.7                   | 12.0             | 20.8   | 13.6            | (58.2)            |
| ST4            | 392,924       | 314,751          | 346,871   | 739,795         | 46,053            | 7.3                   | 8.8              | 5.3    | 6.4             | 24.9              |
| 2025           |               |                  |           |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| ST1            | 378,359       | 304,338          | 337,315   | 715,674         | 41,045            | 4.4                   | 4.8              | 2.8    | 3.6             | 20.3              |
| 2022           |               |                  |           |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| JAN            | 111,060       | 91,391           | 92,822    | 203,882         | 18,238            | 23.8                  | 26.6             | 27.1   | 25.3            | 9.7               |
| FEB            | 101,742       | 83,899           | 82,589    | 184,331         | 19,152            | 15.9                  | 17.0             | 18.5   | 17.0            | 5.7               |
| MAC            | 131,488       | 106,930          | 105,244   | 236,732         | 26,244            | 25.0                  | 22.4             | 30.1   | 27.2            | 7.7               |
| APR            | 127,483       | 103,416          | 104,107   | 231,590         | 23,375            | 20.7                  | 21.6             | 22.1   | 21.3            | 14.9              |
| MEI            | 120,590       | 96,241           | 107,791   | 228,381         | 12,798            | 30.5                  | 22.1             | 37.3   | 33.6            | (7.6)             |
| JUN            | 144,275       | 110,622          | 121,094   | 265,369         | 23,182            | 37.0                  | 30.7             | 45.5   | 40.8            | 4.9               |
| JUL            | 134,326       | 102,359          | 118,487   | 252,812         | 15,839            | 38.3                  | 33.8             | 41.8   | 39.9            | 16.8              |
| OGO            | 141,519       | 106,661          | 124,231   | 265,750         | 17,288            | 48.4                  | 35.1             | 67.3   | 56.7            | (18.2)            |
| SEP            | 144,250       | 110,446          | 112,410   | 256,660         | 31,839            | 30.1                  | 25.8             | 32.8   | 31.3            | 21.4              |
| OKT            | 131,977       | 101,552          | 113,518   | 245,495         | 18,459            | 15.3                  | 11.1             | 29.1   | 21.3            | (30.6)            |
| NOV            | 129,694       | 103,513          | 107,890   | 237,584         | 21,804            | 15.1                  | 9.9              | 15.5   | 15.3            | 13.0              |
| DIS            | 131,606       | 105,004          | 103,626   | 235,232         | 27,980            | 5.8                   | 1.7              | 11.5   | 8.2             | (11.1)            |

Jadual I : Eksport, Eksport Domestik, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan

| Tempoh | Nilai RM Juta |                  |         |                 |                   | Perubahan Tahunan (%) |                  |        |                 |                   |
|--------|---------------|------------------|---------|-----------------|-------------------|-----------------------|------------------|--------|-----------------|-------------------|
|        | Eksport       | Eksport Domestik | Import  | Jumlah Dagangan | Imbangan Dagangan | Eksport               | Eksport Domestik | Import | Jumlah Dagangan | Imbangan Dagangan |
| 2023   |               |                  |         |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| JAN    | 112,666       | 86,053           | 94,508  | 207,174         | 18,157            | 1.4                   | (5.9)            | 1.8    | 1.6             | (0.4)             |
| FEB    | 112,682       | 87,854           | 92,703  | 205,385         | 19,979            | 10.8                  | 4.7              | 12.2   | 11.4            | 4.3               |
| MAC    | 129,745       | 102,539          | 104,469 | 234,213         | 25,276            | (1.3)                 | (4.1)            | (0.7)  | (1.1)           | (3.7)             |
| APR    | 105,166       | 80,176           | 93,821  | 198,986         | 11,345            | (17.5)                | (22.5)           | (9.9)  | (14.1)          | (51.5)            |
| MEI    | 119,516       | 93,623           | 104,105 | 223,620         | 15,411            | (0.9)                 | (2.7)            | (3.4)  | (2.1)           | 20.4              |
| JUN    | 123,942       | 93,761           | 94,875  | 218,817         | 29,067            | (14.1)                | (15.2)           | (21.7) | (17.5)          | 25.4              |
| JUL    | 116,765       | 89,040           | 99,458  | 216,224         | 17,307            | (13.1)                | (13.0)           | (16.1) | (14.5)          | 9.3               |
| OGO    | 115,181       | 92,099           | 97,850  | 213,031         | 17,330            | (18.6)                | (13.7)           | (21.2) | (19.8)          | 0.2               |
| SEP    | 124,334       | 96,725           | 99,937  | 224,271         | 24,398            | (13.8)                | (12.4)           | (11.1) | (12.6)          | (23.4)            |
| OKT    | 126,152       | 96,392           | 113,187 | 239,339         | 12,964            | (4.4)                 | (5.1)            | (0.3)  | (2.5)           | (29.8)            |
| NOV    | 121,604       | 95,540           | 109,501 | 231,105         | 12,103            | (6.2)                 | (7.7)            | 1.5    | (2.7)           | (44.5)            |
| DIS    | 118,447       | 97,263           | 106,631 | 225,078         | 11,816            | (10.0)                | (7.4)            | 2.9    | (4.3)           | (57.8)            |
| 2024   |               |                  |         |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| JAN    | 122,410       | 94,705           | 112,238 | 234,648         | 10,173            | 8.6                   | 10.1             | 18.8   | 13.3            | (44.0)            |
| FEB    | 111,357       | 91,538           | 100,116 | 211,473         | 11,241            | (1.2)                 | 4.2              | 8.0    | 3.0             | (43.7)            |
| MAC    | 128,565       | 104,123          | 115,845 | 244,410         | 12,719            | (0.9)                 | 1.5              | 10.9   | 4.4             | (49.7)            |
| APR    | 114,695       | 91,716           | 106,954 | 221,649         | 7,742             | 9.1                   | 14.4             | 14.0   | 11.4            | (31.8)            |
| MEI    | 128,037       | 105,806          | 118,083 | 246,120         | 9,955             | 7.1                   | 13.0             | 13.4   | 10.1            | (35.4)            |
| JUN    | 126,017       | 100,414          | 111,740 | 237,757         | 14,276            | 1.7                   | 7.1              | 17.8   | 8.7             | (50.9)            |
| JUL    | 131,117       | 105,043          | 124,716 | 255,832         | 6,401             | 12.3                  | 18.0             | 25.4   | 18.3            | (63.0)            |
| OGO    | 129,004       | 106,208          | 123,490 | 252,493         | 5,514             | 12.0                  | 15.3             | 26.2   | 18.5            | (68.2)            |
| SEP    | 123,557       | 99,924           | 110,790 | 234,347         | 12,767            | (0.6)                 | 3.3              | 10.9   | 4.5             | (47.7)            |
| OKT    | 128,139       | 99,443           | 116,269 | 244,408         | 11,869            | 1.6                   | 3.2              | 2.7    | 2.1             | (8.4)             |
| NOV    | 126,310       | 105,108          | 111,259 | 237,569         | 15,050            | 3.9                   | 10.0             | 1.6    | 2.8             | 24.4              |
| DIS    | 138,476       | 110,200          | 119,342 | 257,818         | 19,134            | 16.9                  | 13.3             | 11.9   | 14.5            | 61.9              |
| 2025   |               |                  |         |                 |                   |                       |                  |        |                 |                   |
| JAN    | 122,814       | 97,546           | 119,155 | 241,969         | 3,659             | 0.3                   | 3.0              | 6.2    | 3.1             | (64.0)            |
| FEB    | 118,242       | 96,899           | 105,625 | 223,867         | 12,617            | 6.2                   | 5.9              | 5.5    | 5.9             | 12.2              |
| MAC    | 137,304       | 109,894          | 112,535 | 249,838         | 24,769            | 6.8                   | 5.5              | (2.9)  | 2.2             | 94.7              |
| APR    | 133,499       | 99,962           | 128,369 | 261,869         | 5,130             | 16.4                  | 9.0              | 20.0   | 18.1            | (33.7)            |
| MEI    | 126,623       | 100,821          | 125,857 | 252,480         | 766               | (1.1)                 | (4.7)            | 6.6    | 2.6             | (92.3)            |

Jadual II: Eksport Mengikut Negara Destinasi

| Bil. | Negara                    | Nilai RM juta (FOB) |          |          | Sumbangan (%) | Perubahan Tahunan   |        | Nilai RM juta (FOB) |              |               |
|------|---------------------------|---------------------|----------|----------|---------------|---------------------|--------|---------------------|--------------|---------------|
|      |                           | Mei 2024            | Apr 2025 | Mei 2025 |               | Nilai RM juta (FOB) | %      | Jan-Mei 2024        | Jan-Mei 2025 | Sumbangan (%) |
|      | Jumlah Eksport            | 128,037             | 133,499  | 126,623  | 100.0         | (1,414.2)           | (1.1)  | 605,065             | 638,482      | 100.0         |
| 1    | Singapore                 | 22,247              | 22,984   | 18,252   | 14.4          | (3,994.8)           | (18.0) | 92,855              | 101,589      | 15.9          |
| 2    | United States             | 16,092              | 19,222   | 18,678   | 14.8          | 2,586.1             | 16.1   | 71,367              | 95,316       | 14.9          |
| 3    | China                     | 15,729              | 14,340   | 15,049   | 11.9          | (679.2)             | (4.3)  | 74,332              | 71,969       | 11.3          |
| 4    | E.U.                      | 9,780               | 9,492    | 10,372   | 8.2           | 591.6               | 6.0    | 47,331              | 49,819       | 7.8           |
| 5    | Hong Kong                 | 6,489               | 7,326    | 6,785    | 5.4           | 296.2               | 4.6    | 32,907              | 37,559       | 5.9           |
| 6    | Japan                     | 7,201               | 6,139    | 5,352    | 4.2           | (1,849.6)           | (25.7) | 36,796              | 32,695       | 5.1           |
| 7    | Taiwan, Province Of China | 5,347               | 7,220    | 7,561    | 6.0           | 2,214.4             | 41.4   | 24,740              | 32,300       | 5.1           |
| 8    | Thailand                  | 4,534               | 5,789    | 5,255    | 4.2           | 721.7               | 15.9   | 23,750              | 26,376       | 4.1           |
| 9    | Viet Nam                  | 4,812               | 4,561    | 4,898    | 3.9           | 85.9                | 1.8    | 24,913              | 20,867       | 3.3           |
| 10   | Indonesia                 | 4,302               | 4,244    | 4,049    | 3.2           | (253.6)             | (5.9)  | 22,475              | 20,796       | 3.3           |
| 11   | India                     | 5,074               | 4,050    | 4,517    | 3.6           | (557.2)             | (11.0) | 22,043              | 20,323       | 3.2           |
| 12   | Korea, Republic Of        | 3,449               | 4,069    | 4,235    | 3.3           | 786.1               | 22.8   | 21,491              | 20,098       | 3.1           |
| 13   | Australia                 | 4,167               | 4,119    | 4,213    | 3.3           | 45.5                | 1.1    | 20,007              | 19,487       | 3.1           |
| 14   | Philippines               | 2,975               | 2,325    | 2,256    | 1.8           | (719.0)             | (24.2) | 11,704              | 11,151       | 1.7           |
| 15   | Mexico                    | 1,584               | 4,137    | 1,543    | 1.2           | (41.5)              | (2.6)  | 7,809               | 10,172       | 1.6           |
| 16   | Turkiye                   | 2,046               | 1,528    | 1,751    | 1.4           | (295.3)             | (14.4) | 8,881               | 8,759        | 1.4           |
| 17   | United Arab Emirates      | 1,425               | 1,181    | 1,385    | 1.1           | (40.5)              | (2.8)  | 6,530               | 6,353        | 1.0           |
| 18   | Bangladesh                | 959                 | 1,229    | 892      | 0.7           | (67.0)              | (7.0)  | 5,342               | 4,697        | 0.7           |
| 19   | United Kingdom            | 740                 | 659      | 784      | 0.6           | 43.7                | 5.9    | 3,497               | 3,527        | 0.6           |
| 20   | Canada                    | 812                 | 461      | 549      | 0.4           | (263.2)             | (32.4) | 2,497               | 2,886        | 0.5           |
| 21   | Saudi Arabia              | 530                 | 423      | 671      | 0.5           | 140.6               | 26.5   | 3,149               | 2,383        | 0.4           |
| 22   | Kenya                     | 456                 | 509      | 272      | 0.2           | (184.2)             | (40.4) | 1,675               | 2,193        | 0.3           |
| 23   | New Zealand               | 271                 | 383      | 336      | 0.3           | 65.9                | 24.4   | 2,487               | 2,191        | 0.3           |
| 24   | Pakistan                  | 394                 | 250      | 509      | 0.4           | 115.1               | 29.2   | 2,425               | 2,042        | 0.3           |
| 25   | Brunei Darussalam         | 519                 | 244      | 480      | 0.4           | (38.8)              | (7.5)  | 2,507               | 1,900        | 0.3           |
| 26   | Switzerland               | 227                 | 414      | 204      | 0.2           | (23.1)              | (10.2) | 1,091               | 1,760        | 0.3           |
| 27   | Sri Lanka                 | 198                 | 451      | 298      | 0.2           | 100.1               | 50.5   | 1,219               | 1,693        | 0.3           |
| 28   | Brazil                    | 400                 | 253      | 430      | 0.3           | 30.7                | 7.7    | 1,658               | 1,468        | 0.2           |
| 29   | Cambodia                  | 288                 | 273      | 297      | 0.2           | 9.0                 | 3.1    | 1,450               | 1,458        | 0.2           |
| 30   | Myanmar                   | 446                 | 252      | 245      | 0.2           | (200.2)             | (44.9) | 1,743               | 1,391        | 0.2           |
|      | 30 Negara Utama           | 123,494             | 128,527  | 122,119  | 96.4          | (1,374.7)           | (1.1)  | 580,672             | 615,217      | 96.4          |
|      | Lain-lain Negara          | 4,544               | 4,972    | 4,504    | 3.6           | (39.5)              | (0.9)  | 24,393              | 23,265       | 3.6           |

